



NEWSLETTER

Disediakan oleh:
SHARRIMAN HARON
Timbalan Pengarah, BPHPP

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH M40 DAN B40 MENGIKUT NEGERI

DEFINISI PENDAPATAN

Pendapatan yang biasa & pasti diterima oleh semua ahli isi rumah daripada punca-punca pendapatan dalam tempoh rujukan selama setahun.

Empat komponen pendapatan isi rumah:

- ✓ Pendapatan bergaji
- ✓ Bekerja sendiri
- ✓ Harta dan Pelaburan
- ✓ Pindahan semasa diterima

komponen pendapatan



63.0%

Pekerjaan bergaji



16.0%

Bekerja sendiri



13.0%

Harta dan pelaburan



8.0%

Pindahan semasa

Sumber : Survei Pendapatan Isi Rumah 2016

KUMPULAN ISI RUMAH B40 DAN M40 : DEFINISI NASIONAL

B40, M40 dan T20 merupakan kumpulan isi rumah yang wujud dalam struktur taburan pendapatan isi rumah di Malaysia. Isi rumah **B40** adalah isi rumah berpendapatan di bawah **RM4,360**. Isi rumah **M40** adalah isi rumah berpendapatan di antara **RM4,360 – RM9,619**. Kumpulan isi rumah **T20** adalah berpendapatan **melebihi RM9,619**.


Berdasarkan kepada definisi B40, M40 dan T20 nasional, bilangan isi rumah B40 adalah seramai 2.78 juta, isi rumah M40 adalah 2.78 juta dan isi rumah T20 adalah seramai 1.33 juta isi rumah.

Taburan Isi rumah B40 Mengikut Negeri

Perak merupakan negeri yang mempunyai bilangan IR B40 yang terbesar iaitu sebanyak 12.5 peratus, Ini diikuti oleh Selangor (11.4%) dan Sarawak (11.0%).

Putrajaya merekodkan bilangan isi rumah B40 sebanyak 0.1 peratus daripada keseluruhan jumlah isi rumah B40.

Carta I : Taburan Isi Rumah B40 Mengikut Negeri (%)




B40 :
2.78 juta
isi rumah

Sumber : Survei Pendapatan Isi Rumah 2016



TABURAN ISI RUMAH M40 MENGIKUT NEGERI

Carta 2: Taburan Isi Rumah M40 Mengikut Negeri (%)




**M40:
2.78 juta
isi rumah**

Kira-kira 26.4 peratus daripada keseluruhan taburan isi rumah M40 berada di Selangor iaitu 733.0 ribu isi rumah. Ini diikuti oleh 392.0 ribu isi rumah (14.1%) di Johor dan 211.0 ribu isi rumah (7.6%) di Perak.

Walau bagaimanapun, Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya masing-masing merekodkan bilangan isi rumah M40 sebanyak 8.0 ribu (0.3%) dan 14.0 ribu (0.5%) isi rumah.

Sumber : Survei Pendapatan Isi Rumah 2016




Taraf Aktiviti Ketua Isi Rumah B40

Pekerja swasta

Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan peratusan pekerja swasta dari kumpulan B40 yang tertinggi iaitu 65.0 peratus dan diikuti oleh Selangor (61.0%) serta Pulau Pinang (60.0%).

Bekerja sendiri

Dalam kalangan B40 yang bekerja sendiri, Kelantan mencatatkan peratusan sebanyak 38.0 peratus diikuti oleh Perlis (36.0%). Manakala Terengganu, Kedah dan Pahang masing-masing merekodkan 34.0 peratus.



Taraf Aktiviti Ketua Isi Rumah M40

Pekerja swasta

Johor dan Selangor merekodkan peratusan pekerja swasta dari kumpulan M40 yang tertinggi iaitu masing-masing 68.0 peratus dan diikuti oleh Pulau Pinang (67.0%).


Bekerja sendiri

Dalam kalangan M40 yang bekerja sendiri, Perlis mencatatkan peratusan sebanyak 36.0 peratus diikuti oleh Terengganu (34.0%) dan Kelantan (28.0%).



PURATA PERBELANJAAN ISI RUMAH B40 DAN M40

PURATA PERBELANJAAN ISI RUMAH B40 DAN M40




Purata perbelanjaan bagi isi rumah B40 ialah RM2,284 sebulan. Kumpulan Isi Rumah M40 pula berbelanja secara purata sebanyak RM4,104 sebulan

Perbelanjaan yang dilakukan adalah terhadap 12 kumpulan utama perbelanjaan tidak termasuk perbelanjaan ke atas barangan dan perkhidmatan kewangan


Sumber : Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2016

KUMPULAN PERBELANJAAN UTAMA BAGI ISI RUMAH B40

Negeri-negeri di Pantai Timur secara peratusannya memperuntukkan perbelanjaan ke atas Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Beralkohol lebih tinggi berbanding ke atas perbelanjaan lain. Kelantan merekodkan peratusan sebanyak 32.6 peratus ke atas Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Beralkohol, diikuti oleh Terengganu (29.4%) dan Pahang (26.7%). Di samping itu, Kedah juga merekodkan peratusan perbelanjaan yang tinggi ke atas kumpulan ini iaitu 29.1 peratus. Wilayah Persekutuan Putrajaya pula merekodkan peratusan perbelanjaan yang tinggi ke atas Kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan api lain (42.6%).



KUMPULAN PERBELANJAAN UTAMA BAGI ISI RUMAH M40



Pola perbelanjaan ke atas Kumpulan Perbelanjaan Utama bagi Isi rumah M40 Negeri-negeri di Pantai Timur secara peratusannya memperlihatkan corak perbelanjaan yang sama bagi isi rumah B40. Peratusan perbelanjaan ke atas Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Beralkohol adalah lebih tinggi berbanding perbelanjaan lain. Kelantan merekodkan peratusan sebanyak 24.0 peratus ke atas Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Beralkohol, diikuti oleh Terengganu (23.8%) dan Pahang (21.3%). Di samping itu, Kedah juga merekodkan peratusan perbelanjaan yang tinggi ke atas kumpulan ini iaitu 22.0 peratus. Wilayah Persekutuan Labuan pula merekodkan peratusan perbelanjaan yang tinggi ke atas Kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan api lain (34.7%).

NOTA:

Kumpulan Perbelanjaan:

- | | |
|---|--|
| 01 Makanan dan Minuman Bukan Alkohol | 08 Komunikasi |
| 02 Minuman Alkohol & Tembakau | 09 Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan |
| 03 Pakaian & Kasut | 10 Restoran & Hotel |
| 04 Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain | 11 Pelbagai Barang & Perkhidmatan |
| 05 Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah | 12 Pelbagai Perbelanjaan & Perbelanjaan Kewangan |
| 06 Kesihatan | |
| 07 Pengangkutan | |

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

